

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU PENYELENGGARAAN JALAN

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jalan yang diselenggara oleh Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk ketiga-tiga lapisan kerajaan bagi menyelenggara jalan dari tahun 2016 sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah panjang jalan yang diselenggara oleh Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang adalah seperti berikut;

AGENSI	KATEGORI	PANJANG JALAN (KM)
JKR Selangor	Jalan Persekutuan	65.60 km
	Jalan Negeri	12.50 km
Majlis Perbandaran Klang	-	82 km
Pejabat Daerah Klang	-	3.824 km

- b) Jumlah peruntukan yang telah digunakan dari tahun 2016 sehingga kini adalah seperti berikut;

Agensi	Kategori	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	Jumlah
JKR Selangor	Jalan Persekutuan	6.1 Juta	30.7 Juta	3.3 Juta	4 Juta	44.1 Juta
	Jalan Negeri	651 Ribu	608 Ribu	1.5 Juta	1.2 Juta	3.95 Juta
Majlis Perbandaran Klang		-	8 Juta	4.8 Juta	3.5 Juta	16.3 Juta
Pejabat Daerah Klang		1.1 Juta	1.4 Juta	734 Ribu	4.5 Juta	7.73 Juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROGRAM PENJANAAN PENDAPATAN RAKYAT

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan rakyat selepas beberapa program IPR ditarik balik?
- b) Bagaimanakah program seperti PWB boleh dipanjangkan juga kepada kaum bapa dalam meningkatkan ekonomi keluarga?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya memberdayakan mereka dalam jangka panjang. **Semua program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah ditambahbaik melalui proses penjajaran** bagi memastikan pemberian bantuan Kerajaan Negeri dibuat secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan serta simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR. Dengan erti kata lain, pelaksanaan proses IPR pada masa hadapan akan lebih strategik dan memberi impak kepada golongan sasaran yang lebih tepat dan amat memerlukan.

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan** yang disediakan untuk semua peringkat masyarakat di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, program-program penjanaaan pendapatan rakyat ini akan ditawarkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan serta bergantung kepada keadaan kewangan kerajaan.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dinafikan bahawa PWB menjalankan program yang memfokuskan kepada golongan wanita di Selangor.

Walau bagaimanapun, untuk membantu kaum bapa meningkatkan ekonomi keluarga melalui penglibatan dengan Program Pusat Wanita Berdaya, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga turut menawarkan program-program di bawah Modul Pembangunan Kapasiti. Berikut adalah modul-modul bersesuaian untuk disertai oleh kaum bapa yang terdapat di dalam Program Pembangunan Kapasiti Pusat Wanita Berdaya iaitu :

i. MODUL KEUSAHAWANAN

1. Memberi pendedahan mengenai apakah itu keusahawanan dan tujuan seseorang menjadi usahawan.
2. Menyampaikan pengetahuan asas memulakan perniagaan yang merangkumi aspek berikut :
 - Tujuan perniagaan dan pemilikan perniagaan
 - Trend semasa dalam perniagaan
 - Organisasi perniagaan
 - Kertas kerja projek
3. Memperkasakan peserta untuk menghadapi dunia keusahawanan dan perniagaan yang mencabar.

ii. MODUL ASAS PELABURAN

1. Memberi pemahaman tentang kuasa pengkompaunan (*power of compounding*) dan bagaimana ia membantu mengumpul kekayaan melalui pelaburan.
2. Mengenalpasti jenis-jenis pelaburan dan membuat penilaian prestasi pelaburan.
3. Peserta mampu membezakan pelaburan sah dan tidak sah.
4. Kepentingan perancangan untuk ketidakpastian, perlunya perlindungan dan mengetahui jenis perlindungan yang berlainan.

5. Tips membeli insurans/polisi takaful untuk mengelakkan perlindungan yang tidak perlu, underinsured dan overpaying premium insurans dan untuk selaras dengan kemampuan sendiri.

iii. **MODUL PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI DAN KELUARGA**

1. Memberi pengetahuan pengurusan kewangan yang merangkumi aspek berikut :
 - Pengurusan aliran tunai dan bajet
 - Kepentingan pelaburan
 - Asas meminjam
 - Pengurusan hutang

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sesi 2019 ini, di peringkat PWB DUN telah pun menerima penglibatan daripada kaum bapa bagi modul Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga serta Modul Pendemokrasian dan Hak Rakyat. Pusat Wanita Berdaya mengalu-alukan penglibatan lebih ramai lagi kaum bapa ke program-program Pembangunan Kapasiti yang dianjurkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : INSENTIF KURSUS PERKAHWINAN BELIA

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Carta aliran permohonan untuk insentif kursus perkahwinan dan kekeluargaan telah di rangka dan syarat-syarat permohonan telah di buat, soalan saya bilakah insentif kursus perkahwinan dan kekeluargaan akan di buka?

JAWAPAN:

- a) Program yang berkonsepkan kombinasi 2 elemen iaitu kursus kekeluargaan dan pemberian insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor telah dinamakan sebagai Program Insentif Generasi Muda Selangor dengan singkatannya Program iGems.

Program ini akan mula aktiviti promosi, hebahan kepada warga Selangor, taklimat kepada Pusat Khidmat DUN dan pengumpulan data pemohon pada pertengahan November 2019. Manakala pelaksanaan kursus akan dilaksanakan bermula Januari 2020.

Program ini akan dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) sepenuhnya daripada awal aktiviti promosi, proses pendaftaran pemohon, proses kehadiran kursus sehingga ke proses penyerahan insentif kepada penerima. YAWAS akan bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam mengendalikan kursus. LPPKN telah diberi mandat sebagai pengendali kursus sepanjang program iGems berlangsung. LPPKN yang juga merupakan agensi kerajaan telah dipilih di atas faktor mempunyai panel yang terlatih dan pakar serta kos yang tidak membebankan Kerajaan Negeri bagi membiayai kos peserta hadir kursus. Disamping itu ianya dijadikan platform untuk semua bangsa.

Program ini berbeza daripada Insentif Perkahwinan Belia kerana ianya lebih bersifat insentif kewangan semata-mata manakala program iGems mempunyai pengisian dan sesuai untuk semua bangsa serta mempunyai nilai ilmu yang akan ditekankan iaitu dari aspek kewangan, emosi dan keibuan dan kebapaan. Aspek

tersebut sesuai diterapkan dalam setiap pasangan yang baru melangkah ke alam perkahwinan khususnya golongan belia di Negeri Selangor.

Konsep program ini adalah dengan mengadakan kursus kekeluargaan selama setengah hari dan kos kursus dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor serta pemberian insentif sebanyak RM300 seorang bagi belia yang menepati syarat pendaftaran. Insentif ini akan diberikan dalam bentuk simpanan dengan menggunakan Baucer Cenderahati Premium BSN yang perlu ditukarkan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium. Banyak faedah yang akan diperoleh daripada penerima kerana BSN turut menawarkan pelbagai ganjaran bagi penerima SSP bagi tempoh simpanan jangka panjang. Pelaksanaan tempat kursus akan dijalankan mengikut 9 daerah di Negeri Selangor. Anggaran peserta bagi projek perintis ini akan dimulakan dengan 1,200 peserta bagi tahun 2020 dan akan bertambah mengikut permintaan dan minat belia menghadiri program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERSIAPAN MENGHADAPI BENCANA

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang lebih berkesan daripada langkah sedia ada untuk menghadapi bencana alam seperti ribut?

- b) Berapakah jumlah bantuan yang telah diagihkan kepada mangsa mengikut kaun dan sumber peruntukan yang disalurkan di Sabak Bernam dan Tanjung Karang baru-baru ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Smart Disaster Management di bawah inisiatif Smart Selangor telah menyediakan Smart Selangor Command Centre (SSCC) yang dioperasikan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) – Menteri Besar (Pemerbadanan) yang sentiasa memantau semua parameter cuaca pada setiap masa. Semua amaran, hebahan dan pemantauan dijalankan melalui Smart Selangor Command Center (SSCC).

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan telah diagihkan kepada 596 mangsa berdasarkan banciaan yang telah dibuat oleh pihak Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan 37 mangsa berdasarkan banciaan yang telah dibuat oleh pihak Pejabat Daerah dan Kuala Selangor. Pecahan agihan mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut:

BIL.	DUN	JUMLAH MANGSA	BIL. KAUM		SUMBANGAN (RM)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1.	SABAK	225	Melayu			678,600.00
			Cina	-	-	
			India			
2.	SUNGAI AIR TAWAR	273	Melayu		585,400.00	655,400.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
3.	SUNGAI PANJANG	93	Melayu		381,180.00	383,180.00
			Cina		2,000.00	
			India	-	-	
4.	SEKINCHAN	5	Melayu		13,300.00	13,300.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
JUMLAH KESELURUHAN		596				1,730,480.00

(*Perincian nama penerima sumbangan adalah seperti di Lampiran 1)

BIL.	DUN	JUMLAH MANGSA	BIL. KAUM		SUMBANGAN (RM)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1.	TANJONG KARANG 1	14	Melayu	14	77,194.00	77,194.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
2.	TANJONG KARANG 2	19	Melayu	19	99,249.00	99,249.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
3.	IJOK / API-API	2	Melayu	2	8,800.00	8,800.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
4.	JERAM	1	Melayu	1	5,290.00	5,290.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
5.	BESTARI JAYA	1	Melayu	1	5,000.00	5,000.00
			Cina	-	-	
			India	-	-	
JUMLAH KESELURUHAN		37				195,533.00

(*Perincian nama penerima sumbangan adalah seperti di Lampiran 2)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : MASALAH BERKAITAN PEMBANTU AMIL KARIAH MASJID YANG
ENGGAN BEKERJASAMA DENGAN PENERUSI MPKK/PENASIHAT
MASJID DAN BIDANG KUASA PEMBANTU AMIL**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang dapat dilakukan Lembaga Zakat Selangor bagi memastikan Pembantu Amil Kariah Masjid bekerjasama dengan Ketua Kampung?
- b) Mengapakah Lembaga Zakat Selangor memberi kuasa mutlak kepada Pembantu Amil Kariah bagi menguruskan permohonan asnaf kariah dan tidak melalui Ketua Kampung/Penasihat Masjid?

JAWAPAN:

- a) Ketetapan LZS dalam memilih atau melantik Penolong Amil Kariah (PAK) adalah dengan kerjasama dengan pengurusan masjid. Pencalonan nama Penolong Amil Kariah (PAK) adalah melalui cadangan yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Masjid. Struktur lantikan PAK adalah diketuai oleh seorang Ketua Penolong Amil Kariah (KPAK) yang majoritinya terdiri daripada nazir dan pengurus masjid.
- b) Untuk makluman, kerjasama dalam menyantuni asnaf LZS tidak terhad kepada PAK semata-mata. Sebaliknya, banyak pihak terlibat termasuklah Ketua Kampung, Penghulu, pemimpin masyarakat setempat, sekolah (melalui pengetua, pengurusan dan Guru Hal Ehwal Murid). Malahan, pihak ini juga terlibat dalam menandatangani pengesahan borang permohonan bantuan zakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR SUNGAI

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berdasarkan pelbagai jenis pencemaran air sungai sejak kebelakangan ini di bawah Negeri Selangor, apakah Kerajaan Negeri telah menaiktaraf pengukuran keselamatan (*safety measurement*) negeri bagi memastikan perkara yang sama tidak berlaku? Sekiranya ya, apakah penambahbaikan yang telah dibuat?

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Antara langkah yang telah diambil bagi meningkatkan pengukuran keselamatan (*safety measurement*) adalah menjalankan inventori aktiviti-aktiviti di sepanjang rizab sungai bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang berisiko menyumbang kepada pencemaran.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal / *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan

agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Maklumat tambahan:

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : EKO PELANCONGAN FRUITSVALLEY

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan perbelanjaan untuk Selangor Fruitsvalley.
- b) Nyatakan rancangan kerajaan untuk membangunkan Fruitsvalley sebagai kawasan eko pelancongan.
- c) Apakah program Selangor Fruits valley yang boleh membantu pembangunan pekebun yang bermodal kecil atau sederhana?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan dan perbelanjaan untuk Selangor Fruit Valley adalah seperti berikut :-

<u>Tahun/ Perkara</u>	31 Dis 2017		31 Dis 2018		Jan – Sept' 2019	
	<u>Ladang</u>	<u>Agro Tourism</u>	<u>Ladang</u>	<u>Agro Tourism</u>	<u>Ladang</u>	<u>Agro Tourism</u>
<u>Pendapatan</u>	2,251,998	-	1,702,571	478,287	1,216,678	330,050
<u>Perbelanjaan</u>	1,677,875	-	1,391,000	1,046,220	978,162	595,603
<u>Untung/Rugi</u>	574,123	-	311,571	(567,933)	238,516	(265,553)
<u>Akaun Disatukan</u>	574,123		(256,362)		(27,037)	

- i. Agro Pelancongan bermula pada bulan Julai 2017 dan akaun tersebut telah disatukan dengan akaun ladang Selangor Fruit Valley. Pengeluaran buah-

buah dan harga pasaran yang tinggi telah meningkatkan pendapatan ladang.

- ii. Bermula pada tahun 2018, akaun Agro Pelancongan dan akaun Ladang Selangor Fruit Valley telah diasingkan mengikut unit. Kerugian terkumpul tahun 2018 adalah disebabkan oleh kos operasi yang masih tinggi di Unit Agro Pelancongan.
 - iii. Setakat bulan September 2019, kerugian di Unit Agro Pelancongan menguncup (mengecil) berbanding tahun 2018 disebabkan peningkatan jumlah pelancong. Promosi dan pengiklanan bagi menarik pengunjung digiatkan dengan lebih agresif. Namun, fenomena perubahan cuaca (panas yang melampau) telah memberi kesan terhadap pengeluaran buah-buahan di Unit Ladang.
- b) Perancangan kerajaan untuk membangunkan Fruits Valley sebagai kawasan eko pelancongan adalah seperti berikut :-

Perancangan Pembangunan Agro Pelancongan, Ladang Buah Dan Usahawantani Di Selangor Fruit Valley Dalam Jangka Masa 5 Tahun daripada 2017 sehingga 2021

- i. Menaiktaraf Dan Menyiapkan Laman VIP SFV
 - Sewaan bilik mesyuarat (bilik mesyuarat berkapasiti lebih besar)
 - Penganjuran berbagai acara (menggunakan bilik-bilik kecil) bagi tujuan latihan , seminar dan mesyuarat
 - Landskap Moden
 - Taman tanaman buah-buahan oleh pelawat VVIP (yang pernah melawat SFV seperti Yang Di-Pertuan Agong, DYMM Sultan Selangor, Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri iaitu YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara dan lain-lain
- ii. Pembinaan Chalet / Penyediaan Penginapan Serta Tapak Perkhemahan
 - Tapak khemah lengkap dengan lampu , bilik mandi dan keperluan asas yang lain
 - Pembinaan chalet moden
 - Penyediaan tempat rehat dan rawat untuk kenderaan *mobile home*

- iii. Pembinaan Galeri Jualan
 - Menempatkan kaunter tiket baru
 - Gerai jualan buah baru
 - Pusat jualan cenderahati baru
 - Makmal dan galeri jualan kelulut
 - *Café*

- iv. Tarikan Baru
 - Kuda dan haiwan-haiwan lain
 - Basikal elektrik
 - Tram elektrik
 - Pelbagai sukan air
 - Kemudahan Bagi *Team Building*

- v. Pembinaan Gudang Baru (*warehouse*)
 - Pusat Pengumpulan Dan Jualan Buah-Buahan Dan Sayuran
 - Persediaan Awal Bagi Pengeksportan Buah Ke Luar Negara apabila mendapat sijil MYGAP sebelum akhir tahun 2019

- vi. PKPS akan menyediakan talian elektrik bernilai RM2 juta ke seluruh ladang SFV untuk kemudahan tempat tinggal dan memodenkan pertanian.

- vii. Hasil buah-buahan yang lebih konsisten terutama buah-buahan bermusim

- viii. Tanaman Berteknologi Tinggi (lawatan masuk dan aktiviti DIY) Tanaman Melon dan kelulut di bawah Program Pembangunan Agropreneur Kerajaan Negeri Selangor Halia Bentong, Sayuran dan lain-lain menggunakan kaedah Fertigasi dan kaedah Hydroponics Kerjasama Dengan Negara Taiwan Terhadap Penyelidikan dan Penghasilan Buah-Buahan Bermutu Tinggi Kerjasama Dengan Persatuan Pengeluar Buah-Buahan Malaysia Kerjasama untuk tanaman anggur dikawasan seluas 1 ekar di Fasa 1

- ix. Tanaman Berteknologi Tinggi (lawatan masuk dan aktiviti DIY)
 - Tanaman Melon dan kelulut di bawah Program Pembangunan Agropreneur Kerajaan Negeri Selangor

- Halia Bentong, Sayuran dan lain-lain menggunakan kaedah Fertigasi dan kaedah *Hydroponics*
 - Kerjasama Dengan Negara Taiwan Terhadap Penyelidikan dan Penghasilan Buah-Buahan Bermutu Tinggi
 - Kerjasama Dengan Persatuan Pengeluar Buah-Buahan Malaysia
 - Kerjasama untuk tanaman anggur dikawasan seluas 1 ekar di Fasa 1
- x. Kerjasama dengan penyewa tanah untuk tanaman buah-buahan .
- Sistem Sewaan Jangka Pendek (3 tahun / usahawantani)
Penyewa hanya dibenarkan menanam tanaman kontan atau jangka pendek untuk mengeluarkan hasil.
 - Sistem pajakan jangka panjang (21 - 25 tahun)
Penyewa dibenarkan menanam tanaman jangka panjang seperti durian dan lain-lain tanaman yang menggunakan teknologi terkini.
- c) Di antara program Selangor Fruit Valley yang boleh membantu pembangunan pekebun yang bermodal kecil atau sederhana adalah seperti berikut :-
- i. Memberi latihan dalam bidang yang bersesuaian termasuk Program Pembangunan Agropreneur dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor.
 - ii. Menyediakan tapak dengan pelbagai keluasan untuk disewakan.
 - iii. Memberikan bantuan baja kompos untuk permulaan penanaman.
 - iv. Memberikan khidmat nasihat secara berkala berkenaan dengan teknikal dan cara penanaman di tapak penanaman.
 - v. Menyediakan khidmat sewaan jentera dengan harga berpatutan.
 - vi. Membangunkan pusat pengumpulan dan jualan setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TANAMAN DURIAN DI NEGERI SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai Pelan Induk Kluster Tanaman Buah-Buahan Kekal (Durian) bagi Negeri Selangor seperti yang dicadangkan dalam RMK 12 (2020 - 2024)? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

JAWAPAN:

- a) Bagi pelan Induk Kluster Tanaman Buah-buahan Kekal (Durian), tanaman durian di fokuskan di daerah Hulu Selangor, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Selangor mempunyai keluasan tanaman durian 373 hektar dengan sasaran pengeluaran tahun 2019 sebanyak 1,200 metrik tan. Antara klon utama yang ditanam adalah D24, D168 (IOI) dan D197 (Musang King).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KAD KISS DAN PEDULI SIHAT

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mahu membuat pemutihan dan pendaftaran semula kad Kiss dan peduli sihat dengan terma dan syarat baru Kerajaan Negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memansuhkan sistem kuota DUN bagi pemegang kad Kiss dan Peduli sihat yang layak?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk membuat pemutihan dan membuka permohonan pendaftaran semula Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan Skim Peduli Sihat memandangkan kita baru sahaja menjalankan proses pemutihan pada bulan Jun 2019 yang lalu. Namun begitu, bagi mana-mana DUN yang masih mempunyai kuota ataupun yang akan menerima kuota tambahan KISS selepas cadangan penambahan kuota diluluskan, maka pemohon di DUN-DUN berkenaan yang memenuhi syarat kelayakan masih boleh membuat permohonan untuk dipertimbangkan sebagai penerima KISS pada tahun 2020.
- b) Buat masa ini juga, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memansuhkan sistem kuota DUN yang sedang digunakan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mengkaji mekanisme terbaik dan melihat semula keberkesanan sistem kuota tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : INDUSTRI PERKILANGAN

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan yang telah berjaya di bawa ke Negeri Selangor dalam industri perkilangan dari pelabur asing dan tempatan?
- b) Senaraikan kawasan yang sudah dalam pembinaan untuk sektor perkilangan dan nyatakan projek yang dalam perancangan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 132 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5,965,124,862 (RM 5.97 bilion) dimana sebanyak RM 2,149,465,303 (RM 2.15 bilion) adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 3,815,659,559 (RM 3.82 bilion) daripada pelaburan asing. Sebanyak 6,628 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.
- b) Antara kawasan yang sudah dalam pembinaan untuk sektor perkilangan dan projek – projek yang dalam perancangan adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan Perindustrian	Cadangan Projek
1.	UMW High Value Manufacturing Park, Hulu Selangor	1. UMW Aerospace Sdn Bhd 2. T7 Kilgour Sdn Bhd
2.	Bandar Bukit Raja Industrial Area, Klang	1. CJ Century Logistic 2. Vinda Malaysia Sdn Bhd 3. Fanuc Mechatronics Sdn Bhd 4. Daijin Tech (M) Sdn Bhd

3.	Pulau Indah Ind. Park, Klang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ramly Food Industries Sdn Bhd 2. Delt Asia Sdn Bhd 3. IKEA Distribution Centre 4. PKT Every24 Logistics Sdn Bhd
4.	Shah Alam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Xin Hua Trading & Transport Sdn Bhd 2. Global Vision Logistic Sdn Bhd 3. Nippon Express (M) Sdn Bhd 4. Daikin Malaysia Sdn Bhd 5. Daiwa House Malaysia Sdn Bhd 6. Terasaki Electric (M) Sdn Bhd
5.	Selangor Science Park, Kota Damansara, Petaling Jaya	<ol style="list-style-type: none"> 1. EM-Hub@Kota Damansara 2. MyNews Retail Sdn Bhd
6.	Selangor Cybervalley, Cyberjaya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lam Soon Edible Oil Sdn Bhd 2. Hanwha Q-Cells (M) Sdn Bhd
7.	Hulu Klang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Area Logistic @ Ampang
8.	Bistari Jaya, Kuala Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menz & Gasser Asia (KL) Sdn Bhd 2. Ajinoroki MSG (M) Sdn Bhd
9.	Banting Industrial Park, Banting	<ol style="list-style-type: none"> 1. JingXiang Holdings (M) Sdn Bhd

10.	Mahkota Industrial Park, Banting	<ol style="list-style-type: none"> 1. Best Eternity Recycle Technologies Sdn Bhd 2. Taiko Resources Sdn Bhd
11.	Kota Elmina, Gombak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Daikin Malaysia Sdn Bhd (DC)
12.	Taman Perindustrian Klang Jaya, Klang	<ol style="list-style-type: none"> 1. DuoPharma (M) Sdn Bhd
13.	Subang Aiport, Subang	<ol style="list-style-type: none"> 1. ExecuteJet MRO Services Malaysia Sdn Bhd 2. Airbus & Sepang Aircraft Engineering 3. UPECA Aerotech Sdn Bhd 4. Airod Techno Power Sdn Bhd 5. Airbus Helicopter 6. GE Engine Services Malaysia (GEESM) 7. Afjets Sdn Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : TANAH KTM

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini atas tanah yang diperuntukkan untuk jalan keretapi yang tidakdibangunkan?

lanya kini telah diduduki oleh penduduk tempatan. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengadakan perjumpaan bersama pihak penduduk di Kampung Keretapi, Bestari Jaya pada 5 Oktober 2019 dan telah memaklumkan bahawa setelah beberapa mesyuarat yang telah diadakan di antara pihak RAC dan Kerajaan Negeri, RAC tidak dapat mempertimbangkan pemberimilikan tanah kepada penduduk tempatan atas sebab-sebab seperti berikut:
- i) Tanah rezab keretapi telah dirizabkan untuk kegunaan operasi keretapi sahaja dan tidak terhenti daripada dirizabkan;
 - ii) Tanah rizab keretapi adalah untuk tujuan kegunaan keretapi dan bukan tujuan penempatan;
 - iii) Pembangunan sektor keretapi negara berkembang pesat maka tanah rizab keretapi di Bukit Badong perlu dikekalkan bagi tujuan pembangunan perkeretapian pada masa depan; dan
 - iv) Sekiranya pelepasan tanah tersebut dilaksanakan, pihak Kerajaan Persekutuan akan menanggung perbelanjaan yang tinggi untuk melaksanakan projek pembangunan perkeretapian di masa hadapan kerana akan melibatkan kos pengambilan tanah di samping kos-kos lain.

Mesyuarat di antara RAC bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah memutuskan bahawa RAC tidak

akan melepaskan tanah tersebut tetapi akan memberi penyewaan/pajakan kepada penduduk.

Pihak RAC telah memutuskan untuk tidak memberikan pemberimilikan kepada penduduk dan hanya membenarkan sewaan kepada penduduk tempatan/setinggalan di Negeri Selangor dan negeri-negeri lain yang terlibat seperti di Negeri Pahang dan Kelantan. Kadar yang ditetapkan kepada penduduk setinggalan adalah dengan kadar nominal iaitu RM100.00 (sebulan) bergantung kepada jumlah pendapatan isi rumah.

Pihak RAC telah memberikan Borang Permohonan Penyewaan Tanah Berhakmilik/Rezab kuarters, Gudang, Ruang di atas Tanah Keretapi kepada penduduk. Borang tersebut adalah seperti di Lampiran A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : WIFI SMART SELANGOR

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Digital Negeri yang telah diadakan sepanjang tahun 2019?
- b) Apakah inisiatif baru Kerajaan Negeri untuk mengkoordinasi pembangunan infrastruktur digital di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada 23 Januari 2019, mesyuarat pertama Jawatankuasa Infrastruktur Digital Negeri Selangor telah diadakan bertempat di Dewan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES). Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ir. Izhah selaku Exco Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani menyaksikan syarikat-syarikat telekomunikasi utama di Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersetuju untuk bekerjasama dengan jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi membangunkan inisiatif-inisiatif di bawah "*Domain Smart Digital Infrastructure*".
- b) Di samping penubuhan Jawatankuasa Infrastruktur Digital Negeri Selangor, Pihak Kerajaan Negeri melalui SMARTSEL sedang menjalankan perbincangan dan kajian bersama-sama 5G Openlab di bawah Cyberview Sdn Bhd berkenaan keberkesanan dan daya maju (*viability*) projek-projek turus 5G terhadap komuniti dan perusahaan di Negeri Selangor. Pihak Kerajaan Negeri Selangor juga bekerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi dengan memudah cara kajian kebolehlaksanaan (*feasibility*) dan perancangan sambungan rangkaian ke kawasan tertentu di dalam Negeri Selangor melalui interaksi dengan anak-anak syarikat yang telah dipertanggungjawabkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MEMASANG BENDERA

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan ingin menggubal peraturan yang mewajibkan setiap premis perniagaan dan kediaman memasang bendera Malaysia dan bendera Negeri Selangor pada hari kebangsaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mewajibkan setiap premis perniagaan dan kediaman memasang bendera Malaysia dan bendera Negeri Selangor pada Hari Kebangsaan buat masa ini. Walau bagaimanapun, ada juga PBT-PBT yang mengambil inisiatif untuk memasang bendera Jalur Gemilang di premis-premis seperti rumah kedai, restoran dan pejabat kerajaan. Selain itu, di sekolah-sekolah juga turut diadakan pelbagai pengisian program untuk menyuntik semangat cintakan negara kepada pelajar-pelajar seperti persembahan kebudayaan, pancaragam dan pentomin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERLAKSANAAN MANIFESTO PAKATAN HARAPAN PRU14

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan Persekutuan melaksanakan manifesto PH PRU14?
- b) Sejauh manakah manifesto PH PRU14 terpakai untuk pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBAYARAN BONUS DAN INSENTIF KEPADA GURU & PENGASUH
PRASEKOLAH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kakitangan kontrak seperti guru besar / penyelia, guru dan pengasuh prasekolah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor menerima bonus dan insentif yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 dan 2019?

JAWAPAN:

- a) Tidak. Guru dan pengasuh pra sekolah tidak menerima bonus dari Kerajaan Negeri .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DI NEGERI SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pengangkutan merupakan aspek terpenting di dalam sistem perhubungan sama ada bagi penduduk di kawasan bandar mahupun luar bandar. Sistem pengangkutan awam yang efisien dapat menyokong pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan penduduk. Namun, penyediaan bagi pengangkutan awam memerlukan komitmen dan kos yang tinggi untuk jangka masa yang panjang, manakala Kerajaan Negeri mempunyai sumber peruntukan yang terhad bagi memenuhi semua keperluan tersebut, malah seharusnya dibawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Bagi menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam di Negeri Selangor mempunyai *connectivity* yang lebih baik. Selain daripada mengekalkan perkhidmatan bas percuma yang terdapat di Negeri Selangor iaitu PJCitybus dan Bas Smart Selangor, laluan-laluan bas ini perlu mempunyai integrasi yang lebih menyeluruh dan mengutamakan jaringan perhubungan di antara pengangkutan awam yang lain seperti komuter, LRT, MRT dan BRT. Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menambahbaik aksesibiliti laluan perkhidmatan bas ini ke fasiliti-fasiliti kesihatan yang terdapat di Negeri Selangor.

Selain itu, bagi meningkatkan mobiliti pengangkutan bagi jarak perjalanan yang pendek serta *connectivity* *File Mile Last Mile*, Kerajaan Negeri dan PBT bersedia untuk memperhalusi penggunaan pengangkutan alternatif seperti *e-scooter* yang lebih mudah dan ringkas sekiranya perkhidmatan ini mempunyai *sustainability* untuk kekal dalam jangka masa yang panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEKERJA AWAM DIBAWAH KERAJAAN NEGERI

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bilangan pekerja tetap dan kontrak dibawah penggajian Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah nilai penggajian yang perlu dibayar kepada pekerja awam oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan pegawai dan kakitangan lantikan tetap dan kontrak bagi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) adalah 18,505 termasuk Guru KAFA dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).(rujukan data daripada Perbendaharaan Negeri Selangor).

Manakala jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan lantikan tetap dan kontrak termasuk 43 jabatan/ agensi, PBT dan BBN sehingga Jun 2019 adalah 23,067.

- b) Jumlah nilai penggajian yang perlu dibayar keseluruhan bagi 18,505 kakitangan adalah RM33,098,799.57. (rujukan data daripada Perbendaharaan Negeri Selangor)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN PKNS

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah usahawan yang telah dibantu sejak ianya ditubuhkan?
- b) Apakah kejayaan yang telah dikecapi sejak penubuhannya dan berapakah jumlah usahawan yang berjaya melalui program ini?
- c) Apakah program pembangunan usahawan yang ditawarkan kepada golongan muda dan wanita?

JAWAPAN:

- a) PKNS mula melaksanakan program-program pembangunan keusahawanan bumiputera secara serius sejak tahun 1995 melalui penubuhan Sekretariat MPPB (Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera) dan kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS.

BPU berperanan menjalankan segala dasar, strategi serta program MPPB di PKNS meliputi aspek penyelidikan dan pembangunan, khidmat nasihat, latihan serta pemantauan setiap program MPPB yang dilaksanakan.

Jumlah usahawan yang telah dibantu sejak ditubuhkan ialah sebanyak 40,741 usahawan merangkumi dari pelbagai program-program keusahawanan yang ditawarkan.

- b) Antara kejayaan yang telah dikecapi sejak penubuhan BPU ialah **Program Tunas Niaga (PROTUNe)** yang dahulunya dikenali sebagai Program Usahawan Muda (PUM) bertujuan membentuk dan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agar mereka mempunyai pengetahuan asas dalam memulakan dan melaksanakan perniagaan. Mulai tahun 2019, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah

mengambil alih penyelarasan PROTUNe di seluruh negeri. Pada tahun 2019, 50 buah sekolah menengah negeri Selangor terlibat dalam program dengan menubuhkan syarikat bertaraf Sendirian Berhad. PKNS bertindak sebagai pendaftar syarikat dan peserta dibimbing oleh 2 orang guru, dimiliki oleh 25 pemegang saham, ditadbir oleh 5 orang Pengurus Syarikat.

Pencapaian 2019

Sejak PROTUNe dilaksanakan bermula tahun 1998 sehingga 2019, seramai 24,250 pelajar terlibat dan 975 buah syarikat telah ditubuhkan.

- c) Pelbagai program pembangunan usahawan telah dirangka dan sedang dilaksanakan oleh PKNS. Antara program pembangunan usahawan yang ditawarkan kepada golongan muda dan wanita adalah seperti :
- i) **Program Usahawan Siswazah PKNS (GROW)**
 - Memfokuskan kepada golongan siswazah yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Program ini membantu peserta dalam mengendalikan perniagaan dari peringkat awal sehingga berjaya dengan mengikuti program selama enam bulan.

 - ii) **Akademi Pembangunan Usahawan PKNS**
 - Menyediakan latihan dan kelas bimbingan untuk usahawan mendapatkan ilmu pengetahuan di samping mengukuhkan rangkaian perniagaan masing-masing. Pelbagai kursus yang merangkumi latihan, seminar, dan lawatan sambil belajar kepada usahawan/bakal usahawan.

 - iii) **PKNS BizClub**
 - Merupakan hub usahawan yang menawarkan kemudahan ruang acara, ruang kerja, dan aktiviti jaringan selain dapat mempromosikan jenama usahawan melalui saluran pasaran dalam kalangan usahawan PKNS BizClub.

iv) VIO by PKNS

- Memfokuskan kepada golongan usahawan bumiputera yang baru memulakan perniagaan dengan membantu usahawan mengurangkan kos permulaan yang tinggi, kos overhead dan gaji kakitangan. VIO by PKNS adalah pejabat maya dan fizikal yang boleh disewa secara bulanan lengkap dengan perkhidmatan penyambut tetamu, nombor telefon, nombor faks dan kemudahan bilik mesyuarat dengan sewa bulanan serendah RM60/bulan.

Kumpulan sasar untuk program di Bahagian Pembangunan Usahawan ialah:

- Pengilang Bahan Binaan
- Sub kontraktor bumiputera
- Peniaga-peniaga retail
- Bakal usahawan
- Usahawan Mahasiswa
- Pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBUANGAN SISA KE DALAM LONGKANG

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan untuk masalah pembuangan sampah dan makanan ke dalam longkang yang semakin berleluasa dan merosakkan infrastruktur, selain keperluan lesen contohnya memasang perangkap gris?

JAWAPAN:

- a) Semua pengusaha premis makanan di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) wajib menyediakan perangkap minyak sebagai syarat kelulusan lesen perniagaan bagi mengelakkan pembuangan sisa terus ke longkang. Tindakan tersebut adalah selaras dengan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007 dan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil. 1 Tahun 2018 – Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain daripada itu, PBT juga boleh menjalankan tindakan penguatkuasaan kompaun di bawah peruntukan Seksyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu meletakkan debu atas jalan dan sebagainya. Pada masa kini PBT juga menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengusaha-pengusaha restoran khususnya melalui pemeriksaan dan penggredan premis makanan bersama Pejabat Kesihatan Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TINDAKAN TERHADAP PENCEMARAN SUMBER AIR

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status siasatan dan tindakan terhadap kes-kes pencemaran di sumber air mentah negeri yang telah mengakibatkan gangguan bekalan air yang kerap sepanjang tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Status adalah seperti berikut:

Bil	Nama Premis	Tarikh kejadian	Jenis Pencemaran	Tindakan yang dikenakan	Status Kes
1.	Devaraj a/l Shanmugam Maduraiveran Pillai a/l Nageswara	19 Mac 2019	Membuang bahan buangan yang mengandungi minyakke dalam kolam takungan banjir di Taman Eng Ann	Pendakwaan sedang dijalankan di Mahkamah Sesyen di Klang.	OKS 1 masih dalam prosiding perbicaraan. OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00.
2.	Syarikat Ngo Chew Hong	26 Jun 2019	Menyebabkan pelepasan atau kemasukan efluen kilang	Surat Arahan diberikan kepada premis untuk menghentikan	Pihak premis telah mematuhi surat arahan yang diberikan.

			sehingga menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih.	operasi kilang dan menjalankan langkah-langkah mitigasi pengawalan pencemaran.	
3.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	21 Julai 2019	Gagal mematuhi syarat Kebenaran Bertulis sehingga menyebabkan kemasukan atau pelepasan minyak ke dalam Sungai Selangor.	Kertas siasatan telah dibuka.	Kertas siasatan telah dipanjangkan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.

Maklumat Tambahan:

- i) Pada 26 Jun 2019, Syarikat yang terlibat ialah Ngo Chew Hong yang menghasilkan pengeluaran minyak masak. Premis ini telah dikenakan tindakan penahanan operasi kelengkapan selama 2 minggu dan diteruskan penyitaan oleh MPKj selama 39 hari. Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak syarikat kesan penyitaan ialah lebih kurang 120 juta. Walau bagaimanapun tindakan mahkamah tidak diambil kerana bau sawit bukan merupakan bahan toksik dan tidak disenaraikan dalam had yang perlu dipatuhi. Dalam tempoh penahanan pihak syarikat telah berusaha untuk memperbaiki segala kerosakan dan meningkatkan keupayaan logi rawatan air buangan premis mereka dan sekarang telah mematuhi sepenuhnya keperluan piawaian JAS.
- ii) Pada 28 September 2019, pencemaran bau solvent disebabkan orang yang tidak bertanggungjawab membuang solvent dalam saluran paip pembentongan melalui manhole IWK di kawasan perumahan seksyen 7 Bandar Bukit Mahkota Bangi Selangor. Suspek tidak dapat dikesan dan

masih diteruskan pengesanan. Walaubagaimanapun pihak IWK telah diarahkan untuk menyekat aliran pembentungan di seksyen 7 kerana masih tiada perumahan dibangunkan lagi di kawasan tersebut.